

Permasalahan dam

Bimbingan Haji

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

PADA ruangan kali ini akan diterangkan lebih jelas berkenaan dengan isu dam dan permasalahannya berdasarkan kitab-kitab fiqh khususnya dalam mazhab al-Syafie.

Perkataan dam bermaksud darah iaitu sesuatu sembelihan binatang seperti kambing yang perlu dilakukan oleh jemaah haji dengan sebab-sebab tertentu seperti yang akan dijelaskan selepas ini.

Terdapat lima bahagian dam yang wajib dalam ibadah haji iaitu:

Pertama: Dam kerana meninggalkan wajib haji. Ia dilaksanakan mengikut urutan dan kadarnya ditetapkan.

Seseorang yang meninggalkan satu daripada wajib haji dia wajib menyembelih seekor kambing yang layak untuk korban, atau sama ada 1/7 lembu atau unta.

Jika kesemuanya tidak didapati dia wajib menggantikannya dengan berpuasa selama 10 hari, iaitu semasa haji dan tujuh hari setelah di tanah air.

Termasuk dalam bahagian dam ini ialah dam haji tamattu' dan dam kerana meninggalkan wuquf yang dilaksanakan selepas tahallul umrah.


Kedua: Dam kerana melakukan larangan semasa berihram. Ia boleh dilaksanakan mengikut pilihan manakala kadarnya ditetapkan.

Sesiapa yang melakukan larangan tersebut seperti bercukur, memotong kuku (Dalam *Manasik al-Hajj* menyebut: Dam memotong kuku wajib mengeluarkan satu cupak makanan. Dam memotong dua kuku wajib mengeluarkan dua cupak makanan dan dam memotong tiga atau lebih kuku pada masa yang sama wajib mengeluarkan Dam Takhyir dan Taqdir iaitu hendaklah menyembelih seekor kambing atau bersedekah kepada enam orang fakir miskin sebanyak dua cupak makanan tiap-tiap seorang atau berpuasa selama tiga hari) dan sebagainya dia wajib sama ada menyembelih seekor kambing, berpuasa selama tiga hari atau memberi makanan kepada enam orang miskin di Tanah Haram sebanyak 0.5 gantang gandum, setiap seorang.

Dengan memotong tiga helai rambut atau tiga kerat kuku sahaja sudah cukup untuk mewajibkan fidyah ini.

Ketiga: Dam kerana memotong tumbuh-tumbuhan (Dalam *Nihayah al-Muhtaj* dan *Sabil al-Muhtadin* menyebut: Semua pokok di Tanah Haram Mekah, sama ada yang tumbuh sendiri atau yang ditanam atau yang dipindahkan, haram dipatah, dipotong atau dicabut sekiranya ia berasal dari Tanah Haram. Maka dikenakan Dam ke atas orang yang mematah, memotong atau mencabutnya sama ada di dalam ihram atau tidak. Sekiranya ia berasal dari Tanah Haram maka tidak haram. Ada pun berihram daripada Tanah Haram ditumbuhkannya di Tanah Haram, maka hukumnya seperti pokok di Tanah Haram kerana pokok diiktibarkan kepada tempat tumbuhnya.

Dalam buku *Soul Jawab Haji dan Umrah* menyatakan: Memandangkan pokok-pokok yang ditanam oleh



TERDAPAT Beberapa larangan semasa ihram yang perlu dipatuhi oleh jemaah haji untuk mendapat haji mabrur dan mengelak daripada dikenakan dam. - Gambar hiasan

kerajaan Arab Saudi di Tanah Suci itu tidak diketahui asalnya maka dinasihatkan ia tidak dipatah, dipotong atau dicabut (darurnya takhyir dan ta'dil) atau membunuh binatang buruan. Ia boleh dilaksanakan mengikut pilihan manakala gantinya adalah mengikut persamaan.

Sesiapa yang melakukan perbuatan tersebut dia wajib sama ada menyembelih binatang ternakan yang sama dengan binatang buruannya di Tanah Haram, atau membeli makanan yang sama harganya dan disedekahkan kepada fakir miskin Mekah atau berpuasa sebanyak kadar cupak yang dianggarkan daripada makanan tersebut.

Jika binatang buruan tersebut tidak perlangungannya dia boleh memilih, sama ada bersedekah makanan atau berpuasa, kecuali jika membunuh burung merpati, bagi setiap ekor dia wajib menyembelih seekor kambing.

Keempat: Dam disebabkan halangan. Ia dilaksanakan mengikut urutan

manakala gantinya mengikut persamaan.

Sesiapa yang terhalang mengerjakan haji setelah berihram, dia wajib menyembelih seekor kambing di tempat dia tersekat.

Jika tidak mampu, dia hendaklah bersedekah makanan yang setara dengan harga kambing tersebut kepada fakir miskin. Dan jika tidak mampu juga, dia hendaklah berpuasa sehari bagi setiap cupak makanan berkenaan.

Kelima: Dam kerana persetubuhan. Ia juga dilaksanakan mengikut urutan dan gantinya mengikut persamaan.

Sesiapa yang bersetubuh sebelum bertahallul yang pertama dia wajib menyembelih seekor unta. Jika tidak mampu dia hendaklah menyembelih tujuh ekor kambing.

Seterusnya, jika tidak mampu dia hendaklah bersedekah makanan yang sama dengan harga unta tersebut kepada penduduk Tanah Haram. Dan sekiranya tidak mampu juga, dia hendaklah

Hikmah dam

DINYATAKAN di sini beberapa hikmah dam antaranya:

- Kaffarat dosa atau kesalahan.
- Kerana sebab ihsar.
- Kerana dapat kenikmatan, seperti Dam tamattu'.
- Memberi bantuan kepada orang miskin.
- Menolong kepada penduduk Madinah dan Mekah.
- Melatih supaya tidak melanggar disiplin serta adat.
- Menambahkan keyakinan.
- Mengajar sifat tawaduk.
- Melatih sifat pemurah.
- Menjunjung titah perintah Allah dan Rasul-Nya.
- Menampung kekurangan atau kecacatan dalam pelaksanaan ibadah haji.
- Menghilangkan was-was dan keraguan.
- Meyakini amalan ibadat yang dilakukan.
- Menambahkan pahala.

Sebenarnya isu dam ini perlu dipelajari dengan lebih mendalam bagi bakal-bakal haji supaya ibadat haji mereka benar-benar sah dan menepati syariah.

Pengalaman petugas haji di kalangan guru-guru agama jelas menunjukkan betapa isu dam ini antara isu yang banyak dikemukakan daripada sekecil-kecil perkara seperti gugur sehelai rambut sehingga kepada isu yang besar seperti tawaf dalam keadaan haid dan lain-lain.

Hal ini perlu dibincangkan secara khusus dan mendalam bagi tujuan kefahaman yang sebenar. Justeru, dicadangkan supaya bakal jemaah haji sentiasa menghadiri kursus haji dan bertanya kepada guru-guru agama ketika berada di kota suci Mekah bagi menambahkan keyakinan apa yang mereka lakukan.

Semoga bakal-bakal haji dapat menunaikan ibadat haji seterusnya mendapat haji yang mabrur. Amin.

berpuasa sehari bagi setiap cupak makanan berkenaan.

Kesimpulannya, sembelihan dan bersedekah makanan tidak sah dilaktukan kecuali di Tanah Haram. Manakala puasa boleh dilakukan di mana-mana tempat yang dihendaki. Sementara maksud dam tertib adalah seseorang tidak boleh melaksanakan dam kedua kecuali jika tidak mampu melakukan dam yang pertama.

Dam takhyir pula bermaksud seseorang boleh memilih mana-mana dam yang dikehendakinya.

Maksud dam taqdir adalah syarak menetapkan gantinya sama ada ia dam tertib atau dam takhyir, manakala dam tertib pula bermaksud dam tersebut dinilai dan digantikan dengan sesuatu yang sama dengan nilai tersebut.